

# Media diminta elak siar berita negatif

**BH - 7 APR 2001**

KUALA LUMPUR, Jumaat - Media tempatan diminta tidak mengembar-gemburkan cerita yang boleh menjejaskan imej negara sepanjang Persidangan Persatuan Pelancongan Pasifik Asia (Pata), mulai 8 hingga 12 April ini.

Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata pemaparan berita buruk yang berlaku dalam negara boleh menyebabkan pelancong dan media asing menyebarkan semula berita itu ke negara mereka.

Ini, katanya, secara tidak langsung boleh mempengaruhi kedatangan pelancong yang ingin ke negara ini.

"Saya meminta kerjasama media tempatan supaya tidak menyiarkan cerita yang boleh menjejaskan imej negara kerana dikhuatiri media asing akan melaporkan cerita berkenaan di negara mereka," katanya pada taklimat media sempena persidangan berkenaan, hari ini.

Katanya, persidangan yang akan berlangsung selama lima hari minggu depan dijangka dihadiri lebih 2,000 delegasi termasuk 400 media asing dari 70 negara termasuk Singapura, Australia, Sri Lanka dan Thailand.

Ini adalah kali ketiga Malaysia menganjurkan persidangan Pata selepas kali pertama menganjurkannya pada 1972 dan kedua pada 1986.

"Tahun ini adalah sambutan ulang tahun ke 50 persatuan ini, dan Malaysia berasa bertuah kerana dipilih untuk menjadi penganjur persidangan kali ini," katanya.

Persidangan bertema 'Kebanggaan Silam, Janjian Gemilang' akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut memberi peluang delegasi menyaksikan sendiri keindahan negara ini.